



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
PADA  
BENGKEL INTELEKTUALITI DAN PERSONALITI  
AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA (ADUN)  
TARIKH: 15 DISEMBER 2021 (RABU), MASA: 9.30 MALAM  
DI FOREST CITY GOLF HOTEL, JOHOR**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel bin Mohamad,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Abd Aziz Bin Engan,  
Penasihat Undang-undang Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Zaidi Bin Johari,  
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;

Sahibus Samahah Datuk Wira Hj. Abdul Halim bin Tawil,  
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berusaha Puan Rahimah Yeop, selaku penceramah bengkel;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri;

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita diberi kesempatan untuk hadir dalam **Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Intelektualiti dan Personaliti Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melaka.**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baharu dilantik. Sesungguhnya, tanggungjawab serta amanah besar ini hendaklah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi menjadikan Negeri Melaka terus maju jaya yang

ditunjangi dengan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi negeri.

3. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri masing-masing pada Pilihan Raya Negeri yang lepas. Seperti kita semua sedia maklum, bengkel ini diadakan dengan tujuan memberi peluang kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terutama yang baharu kali pertama dipilih untuk mendapatkan pendedahan dan kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

4. Sepanjang bengkel ini dijalankan, Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberikan taklimat yang jelas berkenaan Tatacara Dewan Undangan Negeri Melaka dan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Bajet 2022 Negeri Melaka akan dibentangkan pada 27 hingga 30 Disember 2021 dan saya berharap ia akan berjalan dengan lancar dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
5. Selain itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga telah mendapat penerangan oleh Yang Berhormat Dato'

Ts. Kamel bin Mohamad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka berkaitan Dasar dan Inisiatif Utama Kerajaan Negeri dalam Proses Perancangan dan Pembangunan Negara dan Negeri serta penerangan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) berkenaan Projek-projek Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

6. Melalui aku janji Barisan Nasional (BN) bertema, **“Kestabilan demi Kemakmuran”** pada Pilihan Raya Negeri yang lalu, kita telah menggariskan **103 inisiatif** berasaskan **5 teras** dengan **1 matlamat** yang diikrarkan untuk dilaksanakan bagi memahat



kecemerlangan masa depan rakyat dan kegemilangan Negeri Melaka untuk tempoh **5 tahun** yang akan datang. Keseluruhan inisiatif tersebut perlu dicapai dalam tempoh **100 hari, satu tahun** dan sepanjang **lima tahun** akan datang.

7. Dengan kemenangan **21 kerusi daripada 28 kerusi** Dewan Undangan Negeri Melaka, ia membolehkan kita mendapat majoriti kerusi lebih dua pertiga atau lebih tepatnya, tiga perempat untuk membentuk Kerajaan Negeri yang lebih stabil, maka pelaksanaan aku janji ini dengan kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat dicapai dalam tempoh 5 tahun yang

ditetapkan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

8. Dalam memacu pembangunan komprehensif, inklusif dan holistik Negeri Melaka, tindakan kita dipandu melalui Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang telah menggariskan **175 strategi** melibatkan pelbagai pelan tindakan berbentuk program dengan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

9. PSMJ 2035 ini direncana untuk mempersiapkan Negeri Melaka menghadapi zaman perubahan untuk **mendepani Revolusi Industri (IR) 4.0, Ekonomi Digital** dan **Masyarakat 5.0** serta **tuntutan teknologi** pada masa hadapan. Oleh yang demikian, saya mahukan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berusaha dengan gigih dan kuat bersama-sama saya agar segala dasar dan projek pembangunan di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan kita capai demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri Melaka.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

10. Menyentuh mengenai pengurusan kewangan negeri seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Melaka pagi tadi, jelaslah bahawa kita semua perlu akur bahawa kualiti pengurusan kewangan bukanlah sesuatu yang boleh 'diwarisi'.
  
11. Ia merupakan sesuatu yang 'dimiliki' oleh jabatan melalui individu-individu yang mempunyai tahap integriti yang tinggi, mempunyai ilmu dalam pengurusan kewangan dan mengguna pakai ilmu tersebut untuk kejayaan jabatan pada satu-satu masa.

12. Walau apapun cabaran, desakan, serangan dan tekanan ekonomi, sosial mahupun politik yang perlu kita hadapi, selagi kita melakukannya secara berintegriti dan mengikut lunas undang-undang, insya-Allah kita tetap akan berdiri dengan teguh.
  
13. Saya percaya bahawa sasaran tadbir urus pengurusan kewangan yang cemerlang boleh dicapai sekiranya perkara-perkara berikut dititikberatkan di setiap peringkat pengurusan perolehan, iaitu:

- (a) Kefahaman mengenai dasar dan peraturan perolehan kerajaan;
- (b) Pengetahuan mengenai tatacara perolehan kerajaan; dan
- (c) Kemahiran menilai perolehan dengan lebih berkesan berdasarkan prinsip perolehan yang digariskan iaitu akauntabiliti awam, telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka, adil dan saksama.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

14. Sebagai salah satu inisiatif ke arah pengurusan tadbir urus kewangan dan perolehan yang berintegriti dan telus, kesemua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka telah berjaya melafazkan dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang tadi. Tahniah saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.
  
15. Amalan nilai etika dan protokol yang baik mencerminkan sikap profesionalisme Ahli-ahli Yang Berhormat semua sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Sikap profesionalisme yang tinggi pula akan dapat memberikan gambaran kepada masyarakat

bahawa Yang Berhormat mempunyai nilai komitmen dan dedikasi yang tinggi di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Sikap profesionalisme inilah yang akan dapat meningkatkan keyakinan dan persepsi orang awam terhadap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan secara amnya.

16. Yang Berhormat semua sedia maklum, kita perlu bekerja mengikut pergerakan peredaran zaman. Dahulunya, kita tidak ada media sosial, mahupun peralatan elektronik digital seperti *handphone* yang canggih, *laptop* dan sebagainya. Namun, kita perlu menerima hakikat bahawa kita berada pada zaman di



mana media sosial kini telah menguasai kehidupan manusia.

17. Melalui medium ini, semua tindakan, kata-kata dan perlakuan Yang Berhormat akan cepat tersebar dan dinilai oleh masyarakat. Saya akui, mengawal lisan bukanlah semudah yang disangka. Ditambah lagi dunia moden hari ini, 'lisan' tidak hanya pada tutur bicara, namun ia juga terhasil daripada penulisan kita. Apatah lagi, jika kebebasan bersuara ditafsirkan dengan kefahaman menyeleweng, bukan mudah untuk mengawal pengguna media sosial daripada menulis apa sahaja yang dikehendaki.

18. Sebab itu, dalam apa jua tindakan yang ingin kita lakukan, baik dari segi lisan mahupun penulisan, kita perlulah berlandaskan al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W. Walaupun dilihat remeh, namun panduan Hadis Rasulullah S.A.W. mengingatkan umat Islam khususnya, agar mengawal lisan sama ada bercakap baik atau teruskan berdiam daripada bercakap perkara yang tidak elok serta sia-sia. Berdasarkan Hadis dari Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

**“Siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat,  
maka berkatalah sesuatu yang baik atau diam  
(daripada perkara sia-sia dan tidak elok).”**

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

19. Sebagai Ahli Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat semua perlu dan digalakkan berkongsi setiap aktiviti bukan sahaja semasa tugas rasmi malah digalakkan juga semua urusan tidak rasmi di lapangan agar rakyat Negeri Melaka mendapat maklumat terkini terutama di kawasan Ahli Yang Berhormat. Sungguhpun begitu, suka saya mengingatkan agar apa yang dikongsi adalah yang benar, yang bermanfaat dan

mempunyai nilai pengajaran dan pendidikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

20. Hakikatnya, bukan sahaja kata-kata dan perbuatan perlu dititikberatkan, akan tetapi cara berpakaian dan pembawaan diri Yang Berhormat juga akan dinilai oleh setiap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, bengkel kita ini akan memberi dan menambah pengetahuan Yang Berhormat semua mengenai protokol tertentu yang boleh dipraktikkan.

21. Protokol amat penting bagi membolehkan Yang Berhormat menyesuaikan diri dalam mana-mana majlis tidak kiralah dari segi pergaulan, tingkah-laku dan pakaian, sekali gus menjamin ketertiban dan kelicinan perjalanan sesuatu majlis yang akan dihadiri oleh Ahli Yang Berhormat selepas ini.
  
22. Sementara itu, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, secara tidak langsung Yang Berhormat sekalian merupakan duta Negeri Melaka yang perlu mempunyai pengetahuan mengenai protokol dan etiket demi menjaga hubungan baik dengan tetamu supaya tidak tersilap dari segi tingkah laku, percakapan, pemakaian

dan sebagainya agar imej Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri Melaka sentiasa baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

23. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada barisan panel penceramah di atas pandangan dan nasihat sepanjang bengkel ini berlangsung. Terima kasih juga kepada Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan, pegawai-pegawai kanan yang mewakili jabatan/agensi kerana komited turut menghadiri bengkel ini.

24. Kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka yang telah dilantik, marilah kita bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan untuk rakyat dan Negeri Melaka. Pastikan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, di samping memahami visi dan arah tuju pentadbiran Kerajaan Negeri.
  
25. Saya amat yakin dan optimis, dengan usaha yang berterusan dan bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan untuk meraih prestasi cemerlang, Negeri Melaka mampu muncul menjadi sebuah negeri yang hebat lagi terbilang.

26. Akhir kalam, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Penutupan Bengkel Intelektualiti dan Personaliti Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melaka pada hari ini.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَیَّةِ وَالسَّلَامِ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ُ

**-TAMAT-**